

10 DEC 1998

Parlimen-Tanggung

DEWAN RAKYAT DITANGGUH SELEPAS BERSIDANG 30 HARI

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat ditangguhkan hari ini hingga satu tarikh yang belum ditetapkan setelah berlangsung selama 30 hari, sejak 20 Okt lepas.

Tiga rang undang-undang diluluskan hari ini iaitu Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998, Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1998.

Sepanjang tempoh persidangan, enam rang undang-undang telah diluluskan.

Tiga rang undang-undang yang diluluskan sebelum ini ialah Rang Undang-undang Francais 1998, Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998.

Pada 23 Okt lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama telah membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 yang kemudiannya dibahaskan pada peringkat dasar dan peringkat jawatankuasa selama 26 hari.

Persidangan kali ini memperlihatkan mesyuarat dimulakan pada pukul 10 pagi dan berakhir 5.30 petang dengan waktu rehat selama satu setengah jam dari pukul 1 tengah hari.

Sebelum persidangan ditangguhkan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting membentangkan Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan (Pindaan) 1998.

Beliau berkata ia bertujuan melindungi industri tempatan daripada persaingan perdagangan yang tidak adil.

Katanya, pindaan yang dicadangkan itu dapat menyelaraskan peruntukan di dalam akta yang lama (Akta 504), yang berkuatkuasa pada April 1994, dengan kehendak Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Pindaan ini juga membenarkan tindakan timbal balas dan anti-lambakan diambil secara lebih jelas dan telus," katanya.

Beliau berkata pada 1 Jan 1995, WTO telah menguatkuasakan Perjanjian Subsidi dan Tindakan Timbal Balas dan Perjanjian Anti Lambakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (Perjanjian WTO).

Perjanjian WTO ini, katanya, memperkenalkan peraturan perkiraan margin lambakan dan nilai subsidi, prosedur penyiasatan lambakan dan subsidi serta instrumen penyelesaian pertelingkaan dalam melaksanakan peruntukan yang termaktub di dalam Perjanjian WTO.

Kerk berkata sebagai anggota WTO, Malaysia perlu memastikan undang-undang domestik mengenai timbal balas dan anti-lambakan selaras dengan peruntukan di dalam Perjanjian WTO.

"Memandangkan Akta 504 telah berkuatkuasa sebelum Perjanjian WTO, beberapa peruntukan di dalam akta itu perlu dipinda supaya selaras dengan peruntukan di dalam Perjanjian WTO," katanya.

Beliau berkata dengan pindaan itu, kerajaan tidak akan menghadapi masalah dalam mengambil tindakan anti-lambakan ataupun timbal balas terhadap pengeksport/pengeluar dari luar negara.

Pentingnya Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan akan meningkat berikutan dengan langkah-langkah kerajaan menuju ke arah liberalisasi perdagangan, katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO